

21 AUG 1997

China-lawat (bergambar)

LI PENG TIBA UNTUK LAWATAN EMPAT HARI

KUALA LUMPUR, 21 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri China Li Peng tiba hari ini untuk lawatan rasmi empat hari.

Rombongannya yang terdiri daripada 117 anggota mengandungi isterinya Zhu Lin, Timbalan Setiausaha Agung Majlis Negara He Chunlin, Menteri Industri Pembuatan Mesin Bao Xuding, Naib Menteri Luar Tang Jiaxuan dan pegawai kanan kerajaan.

Ketibaan Li di Lapangan Terbang Sultan Abdul Aziz Shah di Subang disambut oleh Menteri Luar Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Datuk Annuar Musa, yang juga menteri pengiring.

Pemimpin China itu kemudian dibawa ke medan Parlimen untuk upacara sambutan rasmi.

Aturcara beliau termasuk mengadakan perbincangan dengan Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad esok.

Di Medan Parlimen, Li disambut oleh Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Beliau kemudian memeriksa kawalan kehormatan terdiri daripada 106 anggota Batalion Pertama Rejimen Askar Melayu Diraja diketuai Mejar Hamdi Abdul Rahman.

Malam ini, Li akan diraikan pada jamuan malam oleh Dr Mahathir di Sri Perdana, kediaman rasmi Perdana Menteri.

Esok, beliau akan menerima kunjungan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim dan isteri Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

Selepas perbincangannya dengan Dr Mahathir, kedua-dua pihak akan mengadakan rundingan peringkat delegasi di Jabatan Perdana Menteri.

Pemimpin China itu kemudian akan menghadap Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah di Istana Negara.

Pada Sabtu, Li akan ke Pulau Pinang untuk lawatan dua hari.

Beliau kemudian akan berlepas ke Singapura juga untuk lawatan dua hari sebelum pulang ke Beijing. -- BERNAMA

ES RA MAI